

05 APR 1999

Ikram-Kampus

IKRAM BELANJAKAN RM500 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN KAMPUS

KAJANG, 5 April (Bernama) -- Kumpulan Ikram Sdn Bhd akan membelanjakan RM500 juta bagi kerja-kerja pembangunan kampus Kolej Ikram.

Pengerusinya Datuk Mohd Haris Abas berkata bagi tujuan itu, Ikram (Institut Kerja Raya Malaysia), mengemukakan pelan induk untuk pembangunan kampus berkenaan bagi kelulusan pihak berkuasa tempatan pada Oktober tahun lepas.

"Apabila diluluskan nanti, kerja-kerja pembangunan kampus ini akan dibuat dalam beberapa peringkat, selaras dengan pertambahan bilangan pelajar yang masuk belajar di Kolej Ikram," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran kolej itu di sini hari ini.

Pelancaran kolej itu disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kata Mohd Haris, pihaknya akan berusaha memperkukuhkan kepakaran melalui pembangunan sumber manusia yang cekap dan menyediakan kemudahan prasarana yang lengkap lagi moden.

Katanya sejak Ikram diswastakan dua tahun lepas, tumpuan khusus diberikan untuk membangunkan kemudahan teknologi maklumat (IT) di kampus Ikram.

"Sebanyak RM5 juta dibelanjakan untuk menyediakan peralatan IT dan multimedia yang canggih serta memasang rangkaian intranet dan internet bagi seluruh kampus," katanya.

Ikram juga ingin menyahut seruan kerajaan yang mahukan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dipergiatkan dan setakat ini, beberapa produk baru untuk kegunaan kerja pembinaan dan penyenggaraan jalan raya telah dapat dihasilkan.

"Dalam bidang geoteknikal dan geo-environmental pula satu prototaip aplikasi GIS telah siap dibangunkan. Apabila sistem ini siap keseluruhannya nanti, ia akan dilengkapi dengan data-data yang membolehkan maklumat mengenai sifat tanah di sesuatu kawasan di negara ini diperolehi dengan mudah melalui internet.

"Ini amat berguna kepada mereka yang terlibat dalam merancang dan merekabentuk sesuatu projek bangunan atau prasarana," katanya.

Kolej Ikram kini menawarkan pendidikan dari peringkat sijil, diploma, ijazah dan hinggalah ke peringkat sarjana dan PhD untuk kursus kejuruteraan sivil, elektrik dan eletronik, automotif, teknologi maklumat dan sebagainya tetapi buat sementara ini, semua kursus di peringkat diploma dan ijazah dijalankan melalui program berkembar dengan universiti tempatan dan luar negara.

Kini, Kolej Ikram mempunyai 151 pelajar dalam pelbagai bidang.

-- BERNAMA

APG AHH RON